



MAJLIS PERBANDARAN JASIN
LAPORAN TAHUNAN
2 0 1 5



Taman Ekstreme Tasik ChinChin

KANDUNGAN

- 1 Perutusan Yang Dipertua
- 2 Kenali MPJasin
- 3 Misi, Visi, Objektif, Moto dan Slogan
- 4 Piagam Pelanggan
- 5 Kawasan Pentadbiran MPJasin
- 6 Lagu Rasmi MPJasin
- 7 Bunga Rasmi MPJasin
- 8 Logo MPJasin
- 9 Carta Organisasi MPJasin
- 10 Ahli Majlis MPJasin dan Zon Sesi 2015
- 12 Jabatan Khidmat Pengurusan & Korporat
- 21 Jabatan Kejuruteraan
- 30 Jabatan Kewangan
- 36 Jabatan Perancang Bandar & Desa
- 45 Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
- 51 Jabatan Landskap & Perkhidmatan Bandar
- 61 Jabatan Kawalan Perniagaan
- 72 Jabatan Kawalan Bangunan
- 79 Jabatan Teknologi Maklumat
- 87 Jabatan Penguatkuasaan
- 94 Unit Undang-Undang
- 100 Unit Pusat Setempat
- 105 Unit Audit Dalam



Yang Dipertua MPJ

PERUTUSAN YANG DIPERTUA

Assalamualaikum W.B.T
Salam Melaka Maju Negeriku Sayang
Negeri Bandar Teknologi Hijau
Melaka Maju Fasa II

Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan izin dan limpah kurnia-NYA, Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) berjaya melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang sepanjang tahun 2015 dan dizahirkan melalui penerbitan Laporan Tahunan MPJ Tahun 2015 agar pencapaian, maklumat, aktiviti dan berita dapat dikongsi bersama.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan sidang redaksi dan semua warga MPJ yang menjayakan penerbitan Laporan Tahunan MPJ 2015.

MPJ telah meletakkan visi menjadikan daerah Jasin sebagai sebuah perbandaran dinamik yang mengutamakan pembangunan lestari dan bestari menjelang tahun 2020. Beberapa program dan inisiatif telah dirancang untuk MPJ bergerak seiring visi seperti yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik MPJ 2014-2018.

Antara kejayaan yang telah dicapai oleh MPJ pada tahun 2015 adalah Naib Johan Anugerah Hijau Negeri Melaka Tahun 2015 bagi kategori bangunan kerajaan, Sijil Audit Bersih Penyata Kewangan 2014 dan Anugerah Bandar Mampan 2014 serta beberapa aktiviti lain yang cemerlang.

Bagi menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, warga kerja MPJ sentiasa diberi galakan dan dorongan agar membudayakan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan tugas harian. Kepekaan terhadap pelanggan akan melahirkan pekerja yang berdedikasi dan komited dalam melaksanakan tugas serta menyuntik idea-idea baru bagi memperkasakan penyampaian perkhidmatan yang bermutu dan bertaraf global serta berdaya saing.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada seluruh warga kerja MPJ dan Ahli Majlis yang memberikan komitmen yang tinggi bagi mencapai kecemerlangan. Semoga segala usaha dan perancangan dalam membangunkan perbandaran ini bagi mencapai kejayaan dan kemakmuran mendapat sokongan semua dan diredhai Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih



Tn. Shadan Bin Othman
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Jasin

SEJARAH PENUBUHAN

Penubuhan Majlis Daerah Luar Bandar Jasin (Jasin Rural District Council) telah diwartakan dibawah seksyen 399, Municipal Ordinan yang berkuatkuasa mulai 23 Ogos 1957.

Dengan berkuatkuasanya Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), maka pada 1 Julai 1978, Majlis Daerah Luar Bandar Jasin telah disusun semula dan dinamakan sebagai Majlis Daerah Jasin.

Pada 1 Januari 2007, Majlis Daerah Jasin telah dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Jasin melalui Warta Kerajaan yang disiarkan pada 28 Disember 2006. Majlis Pengisytiharan rasmi telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama, Yang Dipertua Negeri Melaka pada 17 Januari 2007 di Stadium Jasin.

Pejabat Majlis Perbandaran Jasin terletak di Jalan Besar Jasin. Bangunan pejabat ini telah dibina pada 12 Mei 1937 oleh Persatuan India Jasin semasa pemerintahan Raja George VI.

Bangunan ini pernah dijadikan oleh Inggeris sebagai Pusat Pentadbiran Daerah. Kini bangunan ini telah disenaraikan di bawah Enakmen Pemugaran Negeri Melaka.

Daerah Jasin merupakan daerah terbesar (41.47%) dalam negeri Melaka, diikuti Daerah Alor Gajah (40.48%) dan Daerah Melaka Tengah (18.05%). Luas keseluruhan Daerah Jasin ialah 67,799 hektar (678 km persegi). Kawasan yang bersempadan dengan Daerah Jasin ialah Daerah Melaka Tengah (bahagian selatan), Daerah Alor Gajah (bahagian barat), Daerah Muar, Johor (bahagian timur) dan Daerah Tampin, Negeri Sembilan (bahagian utara). Daerah Jasin dibahagikan kepada 20 mukim.

Hampir 75% bentuk mukabumi di Daerah Jasin adalah landai kerana berada di bawah ketinggian 50 meter dan sesuai untuk aktiviti pertanian. Terdapat sebuah empangan di Mukim Jus iaitu Empangan Jus yang membekalkan air kepada penduduk daerah dan sekitar. Pembangunan di Daerah Jasin lebih tertumpu di Bandar Jasin, Pekan Merlimau dan Pekan Selandar yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran daerah, pusat perdagangan dan pusat perindustrian



VISI | Menjadikan Daerah Jasin sebagai sebuah Perbandaran dinamik yang mengutamakan pembangunan lestari dan bestari menjelang tahun 2020.

MISI | Komited untuk memberikan perkhidmatan perbandaran yang terbaik, berkualiti, telus dan cekap melalui penggembelangan tenaga dan sumber secara optimum.

- OBJEKTIF** |
1. Mempertingkatkan keupayaan dan kapasiti Majlis
 2. Memperkasakan tadbir urus Majlis
 3. Memperkukuhkan dan memantapkan sumber hasil Majlis
 4. Mempertingkatkan kualiti hidup komuniti
 5. Memantapkan kolaborasi strategik

MOTTO : 'JASIN DINAMIK'


SLOGAN : JASIN BERSIH DAN HIJAU



PIAGAM PELANGGAN

PIAGAM	TEMPOH (HARI)
Memberi Ulasan teknikal permohonan Kebenaran Merancang	14
Memberi Ulasan Permohonan Pelan Kerja Tanah	14
Memberi Ulasan Permohonan Pelan Projek Perumahan/ Komersial	14
Memberi Ulasan Permohonan Pelan Jalan Dan Parit	14
Memberi Ulasan Permohonan Pelan Lampu Awam	14
Memberi Ulasan Permohonan Pelan Lanskap	7
Memberi Ulasan Teknikal Permohonan Tanah Kerajaan / Pengambilan Tanah	14
Mengeluarkan Perakuan Kebenaran Merancang	7
Memproses Keputusan Permohonan Kebenaran Merancang (OSC)	57
Memproses Keputusan Permohonan Pelan Kerja Tanah (OSC)	57
Memproses Keputusan Permohonan Pelan Bangunan (OSC)	37
Memproses Keputusan Permohonan Pelan Jalan dan Peparitan (OSC)	57
Memproses Keputusan Permohonan Pelan Lampu Jalan (OSC)	57
Memproses Keputusan Permohonan Pelan Landskap (OSC)	57
Memproses Keputusan Permohonan Pelan Bangunan Sesebuah / Kilang / Bengkel	9
Memproses Keputusan Permohonan Pelan Tambahan Rumah Teres/ Ubangsui Bangunan Sesebuah	5
Mengedarkan Permohonan Cadanganpemajuan Kepada Jabatan Teknikal (OSC)	2
Memproses Permohonan Lesen Premis Perniagaan	14
Memproses Permohonan Lesen Perniagaan Sementara	1
Memproses Permohonan Lesen Iklan Sementara/ Kain Rentang	1
Memproses Permohonan Sewaan Dewan Dan Peralatan	7
Memproses Permohonan Pindah Milik Harta	1
Memproses Permohonan Sewaan Premis	30
Memberi Maklum Balas Aduan Awam Kepada Pengadu	14

KAWASAN PENTADBIRAN



**Penduduk
141, 000 orang**

**Keluasan
634 km persegi**

LAGU RASMI

Majlis Perbandaran Jasin
Khidmat Bakti Untuk Semua
Alamanda Bunga Rasmii
Lambang Sejahtera, Jasin Di Hati

Urusan Cepat Berkesan
Layanan Mesra Dengan Senyuman
Khidmat Ikhlas Yang Di Beri
Berkat Restu Ilahi

(korus)

Dibawah Yang Dipertua
Jasin Maju Jaya
Kita Berkerjasama
Menuju Arah Wawasan

Kebersihan Bandar Kita
Tanggungjawab Bersama
Kemakmuran Hidup Tercipta

Majlis Perbandaran Jasin
Majlis Kita Semua
Kemakmuran Keindahan
Wawasan Kita Bersama

BUNGA RASMI



NAMA SAINTIFIK






Allamanda Cathartica

NAMA TEMPATAN

Bunga Alamanda Kuning

RASIONAL LOGO



	Huruf M dan P bermaksud Majlis Perbandaran
	Huruf J mewakili Bandar Jasin
	Bunga alamanda merupakan bunga rasmi Bandar Jasin.
	Lima garisan ini melambangkan lima fungsi utama MPJ
	Melambangkan prestasi dan produktiviti kerja warga MPJ
	Melambangkan warna korporat MPJ, simbolik kepada keberanian dan kebijaksanaan dalam melaksanakan tugas.
	Melambangkan MPJ sebagai sebuah organisasi yang mantap dan bertoleransi.
	Melambangkan warga kerja MPJ melaksanakan tugas dengan ikhlas dan komited.

CARTA ORGANISASI 2015



AHLI MAJLIS PERBANDARAN JASIN



BARISAN HADAPAN :

Dari Kiri : Tn. DSP Muhd Hishamuddin b. Hashim, YB. Datuk Ar. Hj. Ismail Bin Hj. Othman (EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar), Datuk Wira Hj. Othman b. Muhamad (Speaker Dewan Undangan Negeri), YAB Datuk Seri Hj. Idris b. Hj, Haron (Ketua Menteri Melaka), YB. Datuk Wira Hj. Naim b. Abu Bakar (Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka), En. Hazudin b Hashim (Yang Dipertua MPJ), Tn Hj Othman b. Ab. Latiff (Setiausaha MPJ)

BARISAN KEDUA:

Dari Kiri : En. Mohd Yazid b. Abdullah, En. Tee Seng Sein, Pn. Rabeah Adawiyah bt. Mohd Ali, YBhg. Datuk Hj. Zaleha bt. Bujang, En. Suppayah a/l Muthusamy, Cik Nurul Widayu bt. Abdul Razak, Pn. Ang Moi Bee, En. Mohd Hashim b. Sood, En. Ismail b. Ahmad

BARISAN KETIGA:

Dari Kiri : En. Abd. Halim bin Ab. Ghani, Pn. Siti Hajar bt Amir, En. Lee Ah Kow, En. Mohd Nor b. Md. Husin, En. Choo Chin Chye, Tn. Hj. Mustadza b. Abu Amin, YBhg. Datuk Mohd Yusof b. Hj. Osman, En. Ng Chee Fatt, En. Borhan b. Hasan

KAWASAN JAGAAN AHLI MAJLIS

NAMA	JAWATAN	KAWASAN JAGAAN
En. Hazudin Hashim	Yang Dipertua	Seluruh Daerah
YBhg. Datuk Hj. Roslan Eusoff	Pegawai Daerah	Seluruh Daerah
Tn. DSP Muhd Nur Hishamuddin Hashim	Ketua Polis Daerah	Seluruh Daerah
En. Mohd Nor Md. Husin	Jurutera Daerah	Seluruh Daerah
YBhg. Datuk Mohd Yusof Hj Osman	Ketua Whip	Jasin Hilir, Taman Maju, Air Kangkong
Ybhc. Datuk Hjh. Zaleha Bujang	Timbalan Ketua Whip	Merlimau Tengah, Merlimau Timur, Merlimau Utara, Ayer Merbau
Cik Nurul Widayu Abd Razak		Seri Kesang, Kelubi, Felda Kemendor Sempang Kerayong
En. Borhan Hassan		Pondok Kempas, Pondok Kempas Hilir, Kesang Barat, Kesang Tua
En. Abd. Halim Ab. Ghani		Terentang, Chabau, Rim, Simpang Bekoh
En. Mohd Emran Ahmad		Bukit Tembakau, Umbai, Paya Tanjung, Umbai Pantai
Tn. Hj. Mustadza Abu Amin		Chenderah, ChinChin, ChinChin Hulu, Lipat Kajang
En. Mohd Zulhafni Mad Rahis		Tedong, Sempang, Serkam Darat, Serkam
YBhg. Dr. Jasmi Bin Ahmad		Sungai Rambai Barat, Sebatu, Ayer Tawar, Seri Mendapat
Tn. Mejar (B) Mohd Samin Jatim		Sg. Rambai Timur, Sg. Rambai Tengah Batu Gajah Pasir, Batu Gajah
En. Hashim Mohd Sood		Nyalas, Kg. Jus
Pn. Rabeah Adawiyah Mohd Ali		Masjid Baru, Gubah, Pondok Batang/ Abbey
En. Mohd Yazid Abdullah		Bukit Senggeh, Bukit Senggeh Barat
En. Ismail Ahmad		Batang Melaka, Mantai, Gapis
Pn. Siti Hajar Amir		Bukit Sedanan, Selandar
En. Lee Ah Kow		Kongsai, Bemban
En. Suppayah a/l Muthusamy		Seri Minyak, Pulai
En. Tee Seng Sein		Ayer Manggis, Kg. Baru On Lok
Pn. Ang Moi Bee		Kg Maju Pondok Batang, Gunung Emas
En. Ng Chee Fatt		Parit Keliling, Bukit Katong, Jasin
En. Choo Chin Chye		Merlimau, Merlimau Barat



**JABATAN
KHIDMAT PENGURUSAN
DAN KORPORAT**



PENGENALAN

Jabatan Khidmat Pengurusan dan Korporat diketuai oleh Pengarah Khidmat Pengurusan dan Korporat. Jabatan ini dianggotai seramai 32 orang kakitangan yang terbahagi kepada 4 bahagian iaitu :-

1. Bahagian Pentadbiran Am
2. Bahagian Perkhidmatan
3. Bahagian Kualiti
4. Bahagian Korporat

FUNGSI JABATAN

Jabatan Khidmat Pengurusan dan Korporat berperanan melaksanakan tugas-tugas pentadbiran am Majlis seperti pengurusan surat menyurat dan mesyuarat, ahli majlis, perolehan bekalan dan perkhidmatan serta pengurusan rekod. Jabatan ini juga bertanggungjawab melaksanakan pengurusan sumber manusia melalui perjawatan, pembangunan modal insan, latihan dan intergriti. Jabatan ini turut merancang dan menyelaras program-program kualiti dan inovasi diperingkat MPJ melalui proses pendekatan dan pembudayaan berteraskan ciri-ciri inovasi dan kreativiti, selain merancang dan menyelaras program kemasyarakatan di dalam memupuk hubungan baik antara Majlis dan masyarakat serta menjalankan promosi bagi meningkatkan imej MPJ.



Program Bantuan Sewa Rumah

WARGA KERJA MENGIKUT PECAHAN KUMPULAN PERKHIDMATAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN	BILANGAN
Kumpulan P & P	14
Kumpulan Sokongan 1	121
Kumpulan Sokongan 2	100
JUMLAH	235

WARGA KERJA MENGIKUT KATEGORI

KATEGORI	BILANGAN
Tetap	213
Kontrak	22
JUMLAH	235

PERSARAAN

AKTIVITI	BILANGAN
Persaraan	2



Majlis Persaraan En. Mohd Jasad bin Abdullah

KURSUS-KURSUS YANG DIJALANKAN SEPANJANG 2015



Bengkel Pelupusan Rekod (09 April 2015).



Taklimat Pengurusan Dokumen Terperingkat (25 Julai 2015)



Khemah Bahasa : Pemertabatan Bahasa Melayu Dalam Kalangan PBT Negeri Melaka (15 Oktober 2015)

PENGENDALIAN ADUAN AWAM

Jawatankuasa aduan awam bermesyuarat sebulan sekali bagi memantau aduan-aduan seperti mana yang ditetapkan dalam piagam pelanggan MPJ. Pada tahun 2015, jumlah kes aduan diterima / diselesaikan adalah seperti berikut:-

LAPORAN STATUS PRESTASI ADUAN AWAM MENGIKUT JABATAN , MAJLIS PERBANDARAN JASIN DARI 01 JANUARI - 31 DISEMBER 2015

JABATAN	TERIMA	SELESAI	BELUM SELESAI	DALAM SIASATAN/ TINDAKAN
Perundangan dan Penguatkuasaan	186	186	0	0
Kawalan Perniagaan	8	8	0	0
Penilaian Dan Pengurusan Harta	5	5	0	0
Landskap dan Perkhidmatan Bandar	156	156	0	0
Kejuruteraan	101	101	0	0
Kawalan Bangunan	12	12	0	0
Perancang Bandar Dan Desa	2	2	0	0
Lain-Lain	11	11	0	0
JUMLAH	481	481	0	0

PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB)

Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) merupakan satu program yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi membasmi kemiskinan bandar di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara.

Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) sebagai PBT yang diberi tanggungjawab dalam menyelaras PPKB di kawasan pentadbiran MPJ sedang giat melaksanakan program ini supaya dapat mencapai matlamat dan objektif kemiskinan bandar sifar di dalam Daerah Jasin. Pada tahun 2015, Majlis Perbandaran Jasin menerima peruntukan PPKB seperti berikut:-

JENIS BANTUAN	HARGA SEUNIT (RM)	BIL PENERIMA	JUMLAH (RM)
Bantuan sewa rumah	1,488.00	43 orang	63,984.00
Bantuan Perumahan Bandar – Bina Baru	40,000.00	29 orang	1,160,000.00
Bantuan Perumahan Bandar – Baik Pulih Rumah	10,000.00	6 orang	60,000.00
Kios Penjaja Bergerak	15,000.00	3 orang	45,000.00
JUMLAH		81 orang	1,328,984.00

PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB)



Penyerahan Rumah Bina Baharu Di DUN Bemban
(15 Jun 2015)



Penyerahan Rumah Bina Baharu Di DUN Rim
(1 Julai 2015)



Penyerahan Kios Penjaja Bergerak Di DUN Rim (18 November 2015)



Majlis Penyampaian Bantuan Food Basket
DUN Serkam di Japerun Serkam



Majlis Penyampaian Bantuan Food Basket
DUN Rim di Japerun Rim (21 Januari 2015)

PROGRAM-PROGRAM KEMASYARAKATAN



Program Gotong Royong Perdana LA21
di Taman Maju (24 Mac 2015)



Program Keceriaan Medan Selera PBT di
Medan Selera Merlimau Point
(21 November 2015)



Perarakan Sambutan Hari Kebangsaan



Meraikan Pelajar Cemerlang (UPSR)
Sekolah kebangsaan Jasin (4 September 2015)



Ceramah Perdana Bersama
Ybhg. Datuk Ustaz Mohd Kazim Elias
(25 Disember 2015)



Jamuan Hari Raya 2015

PROGRAM-PROGRAM KEMASYARAKATAN



Majlis Bacaan Yaasin, Tahlil & Doa Selama Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-8, Majlis Perbandaran Jasin di Masjid Al-Hassanah, Sungai Rambai (12 Januari 2015)



Majlis Ramah Mesra MPJ Bersama Media Dan Meraikan Mantan Ahli-ahli Majlis di Bayou Lagoon Resort, Melaka (23 Februari 2015)



Majlis Taklimat Mengenai Peranan dan Fungsi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) di Dewan Lipat Kajang (16 Jun 2015)



JABATAN KEJURUTERAAN



PENGENALAN

Jabatan Kejuruteraan diketuai oleh Pengarah Kejuruteraan dan dianggotai seramai 14 orang kakitangan yang terbahagi kepada 3 bahagian iaitu :-

1. Bahagian Pengurusan Pelan
2. Bahagian Pengurusan Projek
3. Bahagian Pengurusan Penyelenggaraan

FUNGSI JABATAN

Melaksanakan pembangunan fizikal yang terancang, menyediakan infrastruktur dan kemudahan awam yang mencukupi serta memastikan projek prasarana luaran dilaksanakan secara lestari ke arah kehidupan yang selesa dan berkualiti selaras dengan dasar kerajaan.



PENGURUSAN PELAN PEMBANGUNAN

PERMOHONAN KELULUSAN PELAN

JENIS PELAN	JUMLAH PERMOHONAN
Pelan Jalan Dan Parit	16
Pelan Kerja Tanah	6
Pelan Pelampuan	2
JUMLAH	24



Pemeriksaan bagi kelulusan pelan jalan dan parit di Kawasan Lipat Kajang - Projek Kilang Kaca Ling Xi



Pemeriksaan bagi kelulusan Pelampuan Di Daerah Jasin - Taman Jirim Jaya



Pemeriksaan bagi kelulusan Pelampuan Di Daerah Jasin - Jasin Bestari

SUMBER PERUNTUKAN PROJEK PEMBANGUNAN

SUMBER PERUNTUKAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	4,884,166.86
Jabatan Kerja Raya (MARRIS)	2,663,600.46
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)	643,411.52
Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	1,537,000.00
Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM (ICU)	1,131,174.92
Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia (KPK)	84,200.00
Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)	1,018,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	11,961,553.76



Membina dan baik pulih di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar



Membina dan baik pulih di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar

PENGURUSAN PROJEK

KATEGORI	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM)
A. Projek-projek Infrastruktur		
1. Jalan	15	1,853,370.38
2. Parit / Longkang	21	1,689,137.70
4. Lampu-lampu Jalan / Simpang	5	562,182.80
3. Tembok Penahan	1	19,996.90
4. Sg. Rambai Aerodrome	1	1,537,000.00
<i>Jumlah Kecil</i>	43	5,661,687.78
B. Kemudahan Awam		
1. Perhentian Bas / Pondok Bas	1	10,600.00
2. Dewan Orang Ramai	3	1,792,686.80
3. Tandas Awam	9	421,898.00
4. Gelanggang Futsal	2	235,000.00
5. Surau	5	889,009.52
6. Pusat Komuniti Bandar	2	199,770.00
7. Padang Awam	1	63,230.00
8. Kemudahan OKU	1	67,200.00
<i>Jumlah Kecil</i>	24	3,679,394.32
C. Ekonomi		
1. Pasar	2	148,331.95
2. Gerai	3	550,555.00
<i>Jumlah Kecil</i>	5	698,886.95
D. Sosial		
1. Bina Rumah PPKB	26	1,717,521.12
2. Baikpulih Rumah PPKB	6	59,923.59
3. Menaiktaraf Bagunan Sediada Untuk dijadikan Pejabat UKB	1	59,940.00
4. Papan Tanda Kawasan Pelancongan	1	84,200.00
<i>Jumlah Kecil</i>	34	1,921,553.76
JUMLAH KESELURUHAN	106	11,961,553.76

PROJEK-PROJEK INFRASTRUKTUR



Menaiktaraf jalan di Taman Kesang Indah



Menaiktaraf Longkang di Taman Permata,
Sempang Kerayong



Menaiktaraf dan Penyelenggaraan Lampu



Menaiktaraf Infrastruktur, Membina Tembok Penahan di Taman Kelubi

PROJEK-PROJEK KEMUDAHAN AWAM



Menaiktaraf tandas awam di Medan Selera Selandar



Menaiktaraf kemudahan sediaada kepada mesra OKU di Merlimau Point



Membina gerai di Felda Tun Ghaffar Kemendor



Membina gerai di Taman Serkam Ria, Serkam



Menaiktaraf Pasar Asahan

PENGURUSAN PENYELENGGARAAN



Pembaikan Longkang Pecah di Taman Maju, Jasin



Pembaikan Jalan di Taman Seri Hilir Batang Melaka




Pembaikan Lampu Jalan di Bandar Jasin


PENGURUSAN PENYELENGGARAAN



Pembaikan Gerai di Bandar Baru Merlimau



Membaikpulihan Pondok Bas di
Hadapan Balai Polis Batu Gajah, Sg. Rambai



Kerja-kerja Mengecat
Garis di Bandar Jasin



JABATAN KEWANGAN



PENGENALAN

Jabatan Kewangan diketuai oleh Pengarah Kewangan dan dianggotai seramai 15 orang kakitangan yang terbahagi kepada 4 bahagian iaitu :-

1. Bahagian Hasil
2. Bahagian Perolehan
3. Bahagian Bayaran
4. Bahagian Akaun

FUNGSI JABATAN KEWANGAN


Jabatan Kewangan bertanggungjawab mengurus dan memperkukuhkan pengurusan kewangan dan perakaunan MPJ supaya ianya teratur, sistematik serta mematuhi keperluan perundangan agar operasi dan aktiviti Majlis dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan.



Kakitangan Jabatan Kewangan

PRESTASI HASIL TAHUN 2014 DAN 2015

KATEGORI HASIL	TAHUN		PENINGKATAN / (PENURUNAN)	
	2014 (RM)	2015 (RM)	RM	%
Hasil Cukai	6,030,714	6,416,773	386,059	6.4
Hasil Bukan Cukai	4,621,689	4,939,328	317,639	6.9
Terimaan Bukan Hasil	12,581,831	13,343,741	761,910	6.1
JUMLAH	23,234,234	24,699,842	1,465,608	6.3



Tahun 2014




Tahun 2015

Carta Perbandingan Kutipan Hasil Tahun 2014 Dan 2015


PERBELANJAAN

PERBANDINGAN PRESTASI PERBELANJAAN TAHUN 2014 DAN 2015

JENIS PERBELANJAAN	TAHUN		PENINGKATAN / (PENURUNAN)	
	2014 (RM)	2015 (RM)	RM	%
Emolumen	7,856,916	7,881,591	24,675	0.3
Bekalan dan Perkhidmatan	13,595,636	15,029,816	1,436,180	10.6
Perbelanjaan Lain	1,747,830	1,933,524	185,694	10.6
JUMLAH	23,198,382	24,844,931	1,646,549	7.1



Tahun 2014



Tahun 2015

Carta Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Tahun 2014 Dan 2015

PENGURUSAN HASIL

SALURAN KUTIPAN HASIL	BIL TRANSAKSI SETAHUN
Kaunter Utama di Ibu Pejabat MPJ	51,771
Pejabat MPJ, Cawangan Merlimau	10,997
Kaunter Pusat Transformasi Bandar (UTC), Melaka	580
Gerbang Pembayaran Kerajaan Negeri Melaka (eBAYAR)	81
POS Malaysia Berhad	1,147
Bank Simpanan Nasional	279
CIMB Bank Berhad	228
Bank Islam Malaysia Berhad	28
Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad	23




Kaunter Utama MPJ

PENCAPAIAN JABATAN KEWANGAN


Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti:

BIL	TAHUN KEWANGAN	TAHAP	PENARAFAN	MARKAH
1	2008	BAIK	☆☆☆	80.80
2	2010	BAIK	☆☆☆	88.36
3	2013	BAIK	☆☆☆	88.78

Berjaya memperolehi Sijil Bersih Audit daripada Ketua Audit Negara bagi Penyata Akaun Tahunan mulai 2000 hingga tahun 2015.



SIJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN





JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA





PENGENALAN

Jabatan Perancang Bandar dan Desa diketuai oleh Pengarah Perancang Bandar dan Desa dan dianggotai seramai 6 orang kakitangan yang terbahagi kepada 3 bahagian iaitu :-

1. Bahagian Kawalan Pembangunan
2. Bahagian Perancangan dan Bank Data
3. Bahagian Teknologi Hijau


FUNGSI JABATAN

Jabatan ini bertanggungjawab merancang dan mengawal pembangunan di dalam kawasan pentadbiran MPJ selain mengumpul dan mengemaskini maklumat perancangan dari semasa ke semasa melalui sistem GIS. Jabatan ini juga berperanan dalam memastikan pembangunan yang dibuat selaras dengan peruntukan perundangan dan keperluan perancangan semasa disamping mengambilkira aspek-aspek kepentingan dan keseimbangan alam sekitar serta memenuhi citarasa dan keselesaan penduduk. Selain itu, jabatan ini juga berfungsi menyelaras program-program dan pelaksanaan Dasar teknologi Hijau yang digubal diperingkat negeri untuk dilaksanakan di kawasan pentadbiran MPJ.

KEBENARAN MERANCANG


PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

BULAN	JUMLAH PERMOHONAN
Januari	19
Februari	5
Mac	9
April	9
Mei	5
Jun	3
Julai	7
Ogos	1
September	7
Oktober	8
November	5
Disember	11
JUMLAH	89




KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG

BULAN	JUMLAH KELULUSAN
Januari	3
Februari	4
Mac	3
April	0
Mei	5
Jun	2
Julai	2
Ogos	2
September	2
Oktober	2
November	1
Disember	1
JUMLAH	27



PERMOHONAN TANAH KERAJAAN & PENGAMBILAN BALIK TANAH

BULAN	JUMLAH PERMOHONAN
Januari	0
Februari	2
Mac	14
April	5
Mei	9
Jun	10
Julai	0
Ogos	1
September	3
Oktober	63
November	20
Disember	5
JUMLAH	132



LAIN-LAIN PERMOHONAN YANG DIPROSES

BIL	SENARAI PERMOHONAN	JUMLAH PERMOHONAN
1	Pelan bangunan Projek Perumahan	12
2	Pelan Bangunan Sesebuah	116
3	Nama Taman / Jalan	6
4	Lain-lain Permohonan (Tukar Syarat, Permit Pasir, Melanjutkan Tempoh Pajakan Luput, Permit Lain-lain dll)	49
JUMLAH		183

TEKNOLOGI HIJAU

Dasar Teknologi Hijau Negara (DTHN) dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada Julai 2009 dan menekankan aspek pemacuan pertumbuhan ekonomi negara dan pembangunan mapan. Pembangunan mapan hendaklah memenuhi keperluan masyarakat masa kini tanpa mengabaikan keperluan generasi akan datang.

MPJ telah diberi tanggungjawab untuk melaksana dasar teknologi hijau daerah Jasin di samping meningkatkan kesedaran dan komitmen masyarakat dalam pembangunan teknologi hijau.

PENGUMPULAN BODIESEL

TARIKH PENGUMPULAN	PERKARA	KUANTITI (KG)	HARGA/KG	JUMLAH (RM)
30/10/2012	Minyak masak terpakai/terbuang	50	0.25 sen	RM 12.50
17/7/2013	Minyak masak terpakai/terbuang	63	0.25 sen	RM 15.75
18/11/2013	Minyak masak terpakai/terbuang	41	RM 1.00	RM 41.00
14/8/2014	Minyak masak terpakai/terbuang	60	RM 1.00	RM 60.00
27/8/2015	Minyak masak terpakai/terbuang	70	RM 1.00	RM 70.00
Jumlah				RM 199.25

PROGRAM KITAR SEMULA



Penyerahan Tong 3R - Kitar Semula

ANUGERAH HIJAU NEGERI MELAKA

Majlis Perbandaran Jasin telah berjaya merangkul tempat kedua bagi kategori Bangunan Kerajaan pada Anugerah Hijau Negeri Melaka 2015 pada 5 Ogos 2015 yang bertempat di Hotel Swiss Garden, Melaka. Anugerah telah disampaikan oleh YAB Datuk Seri Ir Hj Idris Bin Hj Haron, Ketua Menteri Melaka.



PROGRAM HIJAU - EKO BAKAR DENGAN KERJASAMA POLITEKNIK MELAKA

Program ini telah dirasmikan oleh Y.B Datuk Wira Md Yunos bin Husin, Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi di Pantai Siring pada 26 Mei 2016.



PEMBANGUNAN BANDAR MAMPAN - MURNINET

MurniNet merupakan singkatan kepada Jaringan Penunjuk-Penunjuk Bandar Malaysia (Malaysian Urban Indicators Network). Satu pendekatan yang dapat mengukur dan menilai kemampuan sesebuah bandar serta kawasan gabungannya melalui penggunaan Penunjuk-Penunjuk Bandar.

Bermula 2012, MurniNet telah dinaiktaraf kepada MURNInets (Malaysian Urban Rural National Indicators Network on Sustainable Development). Di bawah indikator baru MURNInets ini, terdapat set penunjuk di bawah 6 dimensi, 21 tema dan 36 petunjuk wajib yang menggambarkan tahap kemampuan bandar di Malaysia. MPJ mula menyertai program ini pada tahun 2007 dan bermula tahun 2009 sehingga kini MPJ telah berjaya mencapai dan mengekalkan status 'Bandar Mampan' selama 7 tahun berturut-turut.

TAHUN	MARKAH
2007	72.81
2008	75.44
2009	83.33
2010	84.21
2011	81.98
2012	88.00
2013	84.00
2014	87.00
2015	92.00

PEWARTAAN KAWASAN LAPANG

PERKARA	MARKAH
Bilangan Taman Perumahan Yang Mempunyai Kawasan Lapang	108
Bilangan Kawasan Lapang Yang Telah Diwartakan	56
Bilangan Kawasan Lapang Yang Telah Dihantar untuk Pewartaan	52

PROGRAM BANDAR SELAMAT

Bandar selamat di definisikan sebagai bandar yang bebas dari semua ancaman fizikal, sosial dan mental. Persekitarannya sentiasa dalam keadaan paling terpelihara. Tidak menimbulkan suasana yang boleh menggalakkan kejadian mengganggu gugat kesejahteraan setempat. Penghuni sentiasa berada dalam keadaan yang paling selamat, sejahtera, sihat dan ceria.

Matlamat utama program ini dijalankan adalah untuk memastikan kawasan bebas dari keganasan (violence) merosakkan harta benda dan nyawa seperti gejala ragut, pecah rumah, kecurian, kemerosotan sosial dan moral (social and moral decay) seperti penagihan dadah, kecurian, jenayah kolar putih, rasuah, salah guna kuasa, hilang integriti dan sebagainya.

Antara langkah-langkah segera yang diambil bagi tujuan pelaksanaan program ini termasuk :-

1. Pemasangan Lampu Di Kawasan Gelap



2. Pemasangan Rel Penghadang Di Laluan Pejalan Kaki



3. Pemasangan Cermin Keselamatan



4. Pengasingan Laluan Pejalan Kaki Dari Laluan Bermotor Di Bandar Merlimau



5. Pemasangan Tempat Letak Motosikal Berkunci Di Bandar Jasin



6. Papantanda Pencegahan Jenayah Jenayah





JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA



PENGENALAN

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta diketuai oleh Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta dan dianggotai seramai 11 orang kakitangan yang terbahagi kepada 4 bahagian iaitu :-

1. Bahagian Penilaian
2. Bahagian COB
3. Bahagian Sewaan
4. Bahagian Aset

FUNGSI JABATAN

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta bertanggungjawab dalam membuat nilai ke atas pegangan-pegangan di dalam kawasan pentadbiran MPJ untuk dikenakan cukai taksiran/ caruman bantu kadar sebagai hasil utama MPJ.

Jabatan ini perlu memastikan harta alih atau tak alih milik MPJ diurus dengan baik untuk digunakan secara optimum walaupun disewakan kepada orang lain. Jabatan ini juga berperanan membantu Pesuruhjaya Bangunan (COB) dalam menyelia dan memastikan semua pemajuan strata di dalam kawasan MPJ mengikut peraturan dibawah Akta Pengurusan Strata 2013 (AKTA 757), Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Tribunal Pengurusan Strata) 2015 dan bahagian VI dan VII Akta Hak Milik Strata (AKTA 318).



JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA



PENGENALAN

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta diketuai oleh Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta dan dianggotai seramai 11 orang kakitangan yang terbahagi kepada 4 bahagian iaitu :-

1. Bahagian Penilaian
2. Bahagian COB
3. Bahagian Sewaan
4. Bahagian Aset

FUNGSI JABATAN

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta bertanggungjawab dalam membuat nilai ke atas pegangan-pegangan di dalam kawasan pentadbiran MPJ untuk dikenakan cukai taksiran/ caruman bantu kadar sebagai hasil utama MPJ.

Jabatan ini perlu memastikan harta alih atau tak alih milik MPJ diurus dengan baik untuk digunakan secara optimum walaupun disewakan kepada orang lain. Jabatan ini juga berperanan membantu Pesuruhjaya Bangunan (COB) dalam menyelia dan memastikan semua pemajuan strata di dalam kawasan MPJ mengikut peraturan dibawah Akta Pengurusan Strata 2013 (AKTA 757), Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Tribunal Pengurusan Strata) 2015 dan bahagian VI dan VII Akta Hak Milik Strata (AKTA 318).

PEGANGAN CUKAI TAKSIRAN MENGIKUT MUKIM

MUKIM	BIL PEGANGAN	JUMLAH CUKAI TAKSIRAN HARTA (RM)
Batang Melaka	1,246	133, 996.23
Selandar	1,202	185, 880.83
Jus	12	643.90
Bukit Senggeh	249	39, 176.73
Nyalas	1,481	206,807.74
Chabau	864	162,720.08
Kesang	1,831	296,526.38
Rim	831	178,838.84
Ayer Panas	1,439	864,273.44
Jasin	5,251	1,885,661.30
Chohong	15	2,846.25
ChinChin	717	95,320.69
Umbai	971	174,204.28
Serkam	1,873	613,353.63
Semujujok	233	9,068.40
Tedong	47	2,358.55
Sempang	811	415,248.27
Merlimau	3,950	1,225,757.40
Sebatu	811	150,395.52
Sungai Rambai	1,079	250,916.96
Jumlah	24,913	6,893,995.42



Taman Jasin Bestari Fasa 1

CARUMAN BANTU KADAR

JABATAN	JUMLAH HARTA	JUMLAH CARUMAN (RM)
Kerajaan Persekutuan	957	553, 929.53
Kerajaan Negeri	132	62, 260.44
Badan Berkanun	330	89, 986.07
Jumlah	1, 353	706, 176.04

HARTA SEWAAN

JENIS HARTA SEWAAN	JUMLAH HARTA
Pejabat/ Kedai	52
Gerai/ Medan Selera	343
Pasar/ Bazar	114
Lain-lain	39
Jumlah	544



Gerai



Merlimau Inn

Kedai

LAPORAN KEDUDUKAN ASET TAK ALIH

JENIS ASET	BILANGAN
Tanah	21
Bangunan Pejabat	2
Kedai	12
Medan Selera	12
Gerai	66
Pasar	8
Kiosk	3
Pusat Pemprosesan Ayam	1
Rekreasi	3
Dewan	5
Terminal Bas & Teksi	1
Terminal Kenderaan Berat	1
Mini Stadium	1
JUMLAH	136



Pasar Jasin



Mini Stadium



Medan Ikan Bakar

AKTIVITI PENGUKURAN SEMULA





**JABATAN LANSKAP
DAN PERKHIDMATAN BANDAR**





PENGENALAN

Jabatan Landskap dan Perkhidmatan Bandar diketuai oleh Pegarah Landskap dan Perkhidmatan Bandar dan dianggotai seramai 85 orang kakitangan yang terbahagi kepada 2 bahagian iaitu :-

1. Bahagian Landskap
2. Bahagian Perkhidmatan Bandar

FUNGSI JABATAN

Jabatan ini bertanggungjawab dalam mewujudkan persekitaran kehidupan yang bersih, indah, selesa dan pembangunan landskap yang mampan. Memantau kerja-kerja pembersihan awam seperti pemetongan rumput, pembersihan longkang & kutipan sampah .



AKTIVITI PROGRAM RAKAN TAMAN



Program Rakan Taman di Taman Nyalas Baru



Majlis Pelancaran Program Rakan Taman di Taman Seri Serkam




Majlis Pelancaran Program Rakan Taman di Taman Seri ChinChin



PROGRAM TAMAN KEJIRANAN



AKTIVITI PROGRAM GERAK TUMPU



Program Gerak Tumpu di Persimpangan Lampu Isyarat Kelubi



Program Gerak Tumpu di Taman Desa Kesang

AKTIVITI PROGRAM CANTASAN



Cantasan di Jalan Jasin-Melaka



Cantasan di Felda Tun Ghafar Baba



Cantasan di Kemendor

PROGRAM GOTONG ROYONG



Program Gotong-Royong di Kemendor



Program Gotong-Royong di Taman Rim Mesra



Program Gotong-Royong di Kampung Pulau

AKTIVITI PROGRAM 'OILING' DAN 'FORGING'



'Fogging' di Stadium Jasin




'Oiling' di Pasar Pekan Asahan

TANDAS AWAM



Tandas 1 Malaysia di Taman Muhibbah



Audit Tandas Awam di Merlimau



**JABATAN
KAWALAN PERNIAGAAN**



PENGENALAN

Jabatan Kawalan Perniagaan diketuai oleh Pengarah Kawalan Perniagaan dan dianggotai seramai 7 orang kakitangan yang terbahagi kepada 3 bahagian iaitu :-

1. Bahagian Kawalan Perniagaan
2. Bahagian Kawalan Premis Makanan
3. Bahagian Pemantauan

FUNGSI JABATAN

Jabatan ini bertanggungjawab dalam mengawal, melesen dan menguatkuasa semua jenis perniagaan mengikut undang-undang dan garis panduan berkaitan. Memastikan tahap kebersihan premis dan pengendali makanan dalam keadaan bersih dan selamat.




Pemantauan Lesen Perniagaan di Pasar Malam

LAPORAN PROSES PERMOHONAN LESEN

BULAN	Lesen Sementara	Iklan Sementara	Lesen Tahunan	Hiburan	Lesen Anjing	Jumlah
Januari	21	35	90	1	83	230
Februari	19	34	56	2	59	270
Mac	28	34	74	1	56	193
April	17	35	44	2	55	153
Mei	42	27	44	1	19	133
Jun	378	50	53	2	6	491
Julai	42	23	18	12	4	98
Ogos	25	21	38	11	3	99
September	48	29	48	4	17	146
Oktober	35	39	47	1	5	127
November	21	29	44	0	0	94
Disember	35	28	61	2	1	127
Jumlah	711	384	617	39	308	2061

LAPORAN KELULUSAN LESEN PERNIAGAAN (TAHUNAN)

BULAN	Kelulusan	
	Lesen Berisiko	Lesen Tidak Berisiko
Januari	8	77
Februari	16	48
Mac	17	46
April	23	56
Mei	12	32
Jun	19	45
Julai	5	14
Ogos	13	21
September	6	13
Oktober	19	40
November	21	37
Disember	21	31
Jumlah	180	460



SENARAI PASAR MALAM DAN PASAR TANI DAERAH JASIN

LOKASI OPERASI	HARI OPERASI
Pasar Malam Taman Kesang Damai	Selasa
Pasar Malam Taman Maju	Rabu
Pasar Malam Bandar Jasin Bestari	Jumaat
Pasar Malam Taman Muhibbah, Jasin	Sabtu
Pasar Malam Bandar Baru Merlimau	Rabu
Pasar Malam Kampung Serkam Pantai	Sabtu
Pasar Malam Felcra Lembah Kesang	Selasa
Pasar Malam Perkarangan UiTM Melaka (Kampus Jasin)	Rabu
Pasar Malam Pekan Nyalas	Jumaat
Pasar Malam Taman Debunga Merlimau	Selasa
Pasar Tani Merlimau	Selasa dan Ahad
Pasar Tani Jasin	Rabu dan Sabtu
Pasar Tani Selandar	Khamis
Pasar Tani Sungai Rambai	Jumaat/ Sebulan Sekali

AKTIVITI KAWALAN PERNIAGAAN



1. Pemantauan Premis Perniagaan

